

1982

MELAKA, 19 DIS. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DAN PARA PEMIMPIN POLITIK SUPAYA MEMBERIKAN SEPENUH TENAGA DAN MASA MEREKA BAGI MEMBANGUN NEGARA DEMI MENGHASILKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT. BERCAKAP DI SATU SIDANG AKHBAR DI SERI PERINGGIT DI AKHIR LAWATAN DUA HARI NYA KE MELAKA, BELIAU BERKATA: "TUGAS YANG KITA HADAPI SEKARANG AMAT BERAT, OLEH ITU KITA TIDAK BOLEH BERLENGAH-LENGAH LAGI MEMBUANG MASA KEPADA KEGIATAN TIDAK BERMANFAAT."

PERDANA MENTERI MENYATAKAN LAWATANNYA KE MELAKA TELAH MEMBERI PELUANG KEPADA BELIAU MEMBINCANGKAN STRATEJI KERAJAAN DENGAN PARA PEGAWAI DAN AHLI-AHLI POLITIK.

LAWATAN ITU ADALAH UNTUK MEMBOLEHKAN BELIAU MELIHAT PROGRAM PEMBANGUNAN YANG DIRANCANG BAGI MENGESAN KEMAJUANNYA BILA MELANAT LAGI KE MELAKA KELAK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM PERTEMUAN DENGAN PARA PEGAWAI KERAJAAN DAN AHLI-AHLI POLITIK DALAM BARISAN NASIONAL BELIAU TELAH MENJELASKAN PENDIRIAN KERAJAAN TERHADAP SLOGAN "BERSIH, CEKAP DAN AMANAH." -- LAGI 1132/MB

ZCZC B521

MAHATHIR - SIDANG 2 MELAKA 2, 3, 4,

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU PERCAYA SETIAP SEORANG DARIPADA MEREKA MEMAHAMI APA YANG DIKEHENDAKI OLEH KERAJAAN DAN OLEH ITU MEREKA AKAN MENJALANKAN TUGAS SEWAJARNYA.

PERDANA MENTERI TELAH MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN DI SERI NEGERI JUMAAT LALU DAN PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL DI SERI BENDAHARA MALAM TADI.

MENJAWAB SATU PERTANYAAN, BELIAU BERKATA SEBARANG PERTUNJUKAN BUDAYA YANG HENDAK DIPAPARKAN DI MAJLIS-MAJLIS RASMI MESTILAH MERUPAKAN KEBUDAYAAN KEBANGSAAN.

BAGAIMANAPUN, TIDAK ADA LARANGAN DIKENAKAN BAGI SATU-SATU KAUM MENGAMALKAN BUDAYA MASING-MASING DI KALANGAN MEREKA, KATANYA.

BELIAU LALU MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA MENGAMALKAN SIKAP YANG AMAT LIBERAL DALAM HAL BUDAYA MALAH LEBIH LIBERAL DARIPADA BRITAIN ATAU AMERIKA. -- LAGI 1143/MB

MAHATHIR - SIDANG 3 MELAKA

INI TERBUKTI PADA HAKIKAT BAHAWA DALAM ANGKATAN TENTERAPUN ORANG MASIH BOLEH MEMAKAI "TURBAN".

"DEMIKIAN JUGA DENGAN BUDAYA MASYARAKAT DIPERKAMPUNGAN PORTUNIS, DI MELAKA. KALAU DI NEGERI LAIN BUDAYA MEREKA SUDAH HAPUS," KATANYA.

MENGENAI PERMINTAAN BEBERAPA NEGERI SUPAYA KERAJAAN MENDIRIKAN LEBIH BANYAK INDUSTRI DI TEMPAT MASING-MASING, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENEMPATAN INDUSTRI DI MANA-MANA NEGERI MESTILAH DILAKUKAN JIKA IANYA EKONOMIK.

"KITA TIDAK MAHU INDUSTRI DIADAKAN DI SESUATU NEGERI SEMATA-MATA UNTUK KEBANGGAAN. KALAU UNTUK INI IA AKAN HANYA MENJADI BEBAN PULA KEPADA RAKYAT," UJARNYA.

MENGENAI KEDUDUKAN POLITIK DI MELAKA, BELIAU MENYATAKAN KEADAANNYA ADALAH TENANG. -- LAGI 1145/MB

ZCZC B523

MAHATHIR - SIDANG 4 MELAKA

"NAMUN DEMIKIAN AIR TENANG TIDAK MUNGKIN TIDAK ADA BUAYA. OLEH ITU, KITA AKAN SENTIASA BERWASPADA," TEGASNYA.

POLITIK UMNO DI MELAKA BERGOLAK DI SATU KETIKA DULU DALAM TAHUN 1978 KERANA DA KUMPULAN YANG MAHUKAN PERUBAHAN DALAM PUCUK PIMPINAN PARTI DI NEGERI INI.

INI MENGAKIBATKAN KETUA PERHUBUNGAN NEGERI DIAMBIL ALIH OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN KEMUDIAN DISERAHKAN KEPADA DATUK MUSA HITAM. DALAM NOVEMBER TAHUN LALU JAWATAN INI DISERAHKAN SEMULA KEPADA SEORANG PEMIMPIN NEGERI, ENCIK MOHD ADIB HAJI ADAM, MENTERI PENERANGAN.

MENGENAI PERMINTAAN MELAKA SUPAYA MAS MENGADAKAN PENERBANGAN TERUS SINGAPURA-MELAKA ATAU SINGAPURA-MELAKA-KUALA LUMPUR, PERDANA MENTERI BERKATA HAL INI MUNGKIN DAPAT DILAKUKAN.

INI ADALAH KERANA MENJADI DASAR PELANCONGAN NEGARA SUPAYA PENERBANGAN TERUS DIADAKAN DARI SESUATU TEMPAT KE PUSAT-PUSAT PELANCONGAN SEPERTI MELAKA, PULAU LANGKAWI DAN PULAU TIOMAN.

-- BERNAMA 1150/ME